

Pemimpin BN Sarawak terus bersuara demi kebaikan Malaysia
Malaysian Insider
Nov 4, 2014
OLEH ELIZABETH ZACHARIAH

Menteri Sarawak Tan Sri Dr James Masing berikrar terus bersuara menentang ketidakadilan dalam negara walaupun terpaksa menentang rakan dan pemimpinnya dalam Barisan Nasional (BN) demi kebaikan rakyat.

Menteri pembangunan tanah Sarawak itu berkata, beliau tidak akan berubah walaupun dimarahi pemimpin BN yang menuduhnya menjadi alat kepada pembangkang untuk menghancurkan gabungan parti pemerintah itu.

"Saya hilang beberapa kawan. Tetapi saya menyatakan pendirian yang berbeza untuk kebaikan komuniti. Lagipun mereka yang tidak faham tentang ini bukan kawan saya," katanya kepada The Malaysian Insider.

Beliau berkata, ini merupakan legasi yang mahu ditinggalkan untuk anaknya dan orang muda di Sarawak. Legasi melawan untuk mangsa penindasan dan keadilan. "Saya bukan orang kaya. Saya hanya boleh tinggalkan apa yang saya boleh lakukan sepanjang hidup ini. Saya mahu orang ingat saya sebagai anak Masing yang melawan untuk rakyat," kata pemimpin berusia 65 tahun itu.

Masing yang merupakan presiden parti komponen BN Sarawak – PRS berkata beliau sudah lantang bersuara sejak zaman pelajar di New Zealand lagi.

"Sudah berada dalam diri saya perlunya nilai keadilan dalam setiap perkara dilakukan seseorang. Jadi, jika saya melihat sesuatu perkara yang tidak betul, saya perlu memperbetulkannya.

"Saya tidak kira siapa orang itu, jika saya rasa mereka tidak adil, saya akan lawan. Saya betul-betul tidak boleh tahan apabila melihat orang lain menjadi mangsa," katanya.

Masing mendedahkan beliau berkongsi sentimen sama dengan bekas pemimpin Umno Datuk Saifuddin Abdullah - juga merupakan ketua pegawai eksekutif Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM) yang dikenali dengan pendirian sederhana dan lantang menyatakan pandangannya walaupun bertentangan dengan parti.

"Saya bersembang dengannya sebelum ini dan memberitahunya tidak perlu risau mengeluarkan pandangan berbeza (dengan BN) demi kebaikan rakyat. Saya beritahunya agar tidak perlu takut melakukan perkara betul.

"Malaysia tidak boleh tidak mempunyai masyarakat sederhana kerana kita berbilang kaum. Jika tidak berpendirian sederhana, anda tidak mempunyai tempat dalam masyarakat," katanya. Menteri Sarawak James Masing mahu pemimpin Barisan Nasional mendengar rungutan rakyat dan jangan amal ekstremisme agama. – Gambar fail The Malaysian Insider, 4 November, 2014. Menteri Sarawak James Masing mahu pemimpin Barisan Nasional mendengar rungutan rakyat dan jangan amal ekstremisme agama. – Gambar fail The Malaysian Insider, 4 November, 2014.

Masing mengulas kritikan diterimanya daripada pemimpin BN termasuk bekas Menteri Penerangan Tan Sri Zainuddin Maidin yang menuduhnya menjadi alat kepada Pakatan Rakyat (PR) dan menimbulkan kekeliruan dengan kenyataannya.

Masing sebelum ini berkata, tindakan Kastam merampas bahan penganut Kristian yang mengandungi kalimah Allah pada 25 Oktober sebagai kebangkitan ekstremisme agama dalam negara.

Beliau juga sebelum ini menyelar bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kerana mempertahankan Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali dalam isu seruan pembakaran Bible.

Masing berkata, beliau hilang hormat kepada Dr Mahathir yang pernah disanjung sebelum ini dan menambah bekas perdana menteri itu seolah-olah memperjuangkan hanya terdapat satu agama di Malaysia.

"Saya pernah menyanjung tinggi Tun Mahathir. Sekarang saya mempunyai pandangan berbeza tentang kebijaksanaannya.

"Atas nama Islam dan untuk mempertahankan kesucian Islam, apa sahaja boleh dilakukan sekarang," kata Masing merujuk kepada komen Dr Mahathir mempertahankan tindakan Perkasa yang menyeru agar Bible berbahasa Melayu dibakar.

Beliau juga menyelar Putrajaya kerana menggunakan Akta Hasutan 1948 untuk menahan pemimpin politik, ahli akademik, peguam, wartawan, aktivis dan pendakwah.

Mengulas pendakwaan hasutan terhadap peguam Edmund Bon, beliau berkata perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku.

Menteri Sarawak itu juga menyelar Putrajaya yang mengugut untuk memenjarakan aktivis pemisah tanpa mendengar pandangan mereka.

Beliau berkata, walaupun tidak berpuas hati terhadap Malaysia pada ketika ini hanyalah cakap-cakap, adalah tidak bijak jika Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak mendengar terlebih dulu apa yang mereka tidak puas hati.

"Kita perlu melihat rungutan mereka dan melakukan yang terbaik jika ianya masuk akal," kata Masing.

Awal tahun ini Masing menyelar pemimpin BN pusat yang beliau katakan sebagai "penakut" dan tidak bersuara mengenai isu kalimah Allah.

Masing lantang mengkritik pengharaman penggunaan kalimah Allah bagi penganut Kristian di semenanjung dalam Bible dan penerbitan keagamaan tetapi membenarkannya kepada penganut Kristian Sabah dan Sarawak.

Hari ini Masing mengulangi kenyataannya mempunyai bukti ekstremisme agama sudah bermula di Malaysia termasuk Sarawak.

"Kita tidak mempunyai masalah ini (di Sarawak). Kita tidak membezakan orang mengikut kaum. Kita melihat seseorang sebagai kawan.

"Kini kita amat bimbang di Sarawak. Orang semenanjung mula membawa keburukan mereka ke sini," katanya.

Masing sekali lagi mengkritik rakan-rakannya dalam BN dan berkata mereka mula angkuh apabila melihat kritikan sebagai sesuatu perkara yang buruk.

"Kita mesti belajar mengkritik diri untuk jadi lebih baik. Kita melakukan kesilapan sepanjang masa. Tetapi kita boleh menjadi lebih baik jika orang menegur kesalahan kita.

"Kebanyakan pemimpin BN tidak boleh menerima kritikan. Mereka menjadi menteri dan mereka fikir mereka Tuhan. Ini titik awal kejatuhan," katanya memberi amaran.

Masing berkata, kritikan dilakukannya kerana sayangkan BN dan mahu gabungan pemerintah yang sudah hilang arah itu kekal memerintah Malaysia untuk 50 tahun lagi.

"Saya sayangkan BN. Saya mahu menjadikannya lebih baik. Mereka yang kritik saya tidak sedar kita di dalam kapal sama. Jika kapal bocor, saya mesti berkata sesuatu kalau tidak ia akan karam," katanya.

Masing memberitahu The Malaysian Insider ini merupakan cara beliau menggunakan jawatannya sebagai menteri dalam kerajaan negeri secara konstruktif.

"Jika saya tidak memegang jawatan ini, tiada siapa peduli dan mendengar apa yang saya katakan. Mereka akan cakap ini orang tua membebel.

"Tetapi oleh kerana saya menteri, sekurang-kurangnya orang berhenti dan mendengar. Sekarang saya gunakannya (jawatan menteri) untuk memberitahu dunia apa yang Malaysia perlu lakukan," katanya. – 4 November, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-bn-sarawak-terus-bersuara-demi-kebaikan-malaysia#sthash.tljxxJO2.dpuf>